



PEMAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
KALI KE-459 BERHUBUNG PEMBAHARUAN
MMC-CPD GRADING SYSTEM SCORING SCHEDULE

Selaras dengan Peraturan 28(2)(b) Peraturan-Peraturan Perubatan 2017, salah satu kriteria permohonan bagi sijil Perakuan Amalan Tahunan (PAT) adalah keperluan mata pembangunan professional berterusan (CPD) sebanyak 20 mata. Seperti yang sedia maklum, mata CPD harus dikumpul dalam tempoh kitaran tahun CPD yang telah ditetapkan iaitu bermula 1 Julai sehingga 30 Jun tahun hadapan. Sebagai contoh bagi permohonan sijil PAT bagi tahun 2026, mata CPD perlu dikumpul dalam tempoh bermula daripada 1 Julai 2024 sehingga 30 Jun 2025.

Untuk makluman, Jawatankuasa Pengurusan MMC-CPD yang terdiri daripada tiga (3) pentadbir utama (*administrators*) iaitu myCPD (Kementerian Kesihatan Malaysia - KKM), *Malaysian Medical Association* (MMA) dan *Academy of Medicine of Malaysia* (AMM) telah membuat pengemaskinian kepada garis panduan *MMC-CPD Grading System Scoring Schedule*. Garis panduan yang dikemas kini ini telah diperakukan dalam Mesyuarat Majlis Perubatan Malaysia (MPM) kali ke-459 yang bersidang pada 28 Oktober 2025.

Mesyuarat MPM berkenaan telah bersetuju untuk mengeluarkan kategori ***E(c) “Risk Management Courses e.g. Ethics, Communications, Medico-Legal, Patient Safety”*** daripada *MMC-CPD Grading System Scoring Schedule* yang terdahulu. Pindaan ini dibuat bagi tujuan penyeragaman dan penyelarasan semula struktur kategori dalam sistem penilaian CPD yang baharu. Sehubungan itu, MPM telah bersetuju pelaksanaan garis panduan tersebut berkuat kuasa pada **1 November 2025**.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

28 Oktober 2025